

MCA tidak akan minta maaf

WM-16/9/2006
KUALA LUMPUR 15 Sept. - MCA tidak akan memohon maaf kepada kerajaan berhubung isu Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat yang mendakwa wujud sesetengah pegawai kerajaan menyeleweng wang peruntukan khas untuk beberapa sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC).

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, perkara itu hanya membatitkan antara kementerian dengan kementerian.

Malah, beliau memberitahu, perkara itu tidak harus diperbesarkan memandangkan isu tersebut tidak melibatkan kepentingan politik.

"Mengapa MCA perlu memohon maaf kepada kerajaan mengenai perkara ini sebab kita tidak melakukan perkara yang tidak betul.

"Ini kerana, isu ini hanya melibatkan kementerian dengan kementerian dan bukannya MCA mahupun Barisan Nasional (BN)," kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu kepada pemberita ketika merasmikan Pameran Perumahan dan Hartanah (Mapex) 2006, di sini hari ini.

Peruntukan

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan Tee Keat yang mendakwa kononnya pegawai daripada Kementerian Pelajaran melesapkan wang peruntukan khas untuk beberapa buah SJKC di Johor.

Bagaimanapun, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein kelmarin menafikan tindakan itu dan menyifatkannya sebagai tidak bertanggungjawab.

Malah, Hishammuddin memberitahu, tindakan tersebut tidak lebih daripada cubaan untuk menonjolkan diri sebagai 'jaguh' dalam memperjuangkan nasib kaum Cina.

Dalam pada itu, Ka Ting memberitahu, perkara ini tidak perlu dipanjangkan memandangkan ia menimbulkan pelbagai masalah.

Lagipun katanya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri telah mengeluarkan kenyataan bahawa teguran diberikan terhadap Tee Keat kerana melanggar prinsip Kabinet.

"Tidak perlu dipanjangkan sehingga menjadi terlalu rumit dan kenyataan yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri sudah cukup jelas," ujarinya.

Semalam, Najib berkata, Kabinet memberi teguran kepada Tee Keat kerana beliau melanggar prinsip Kabinet yang tidak membenarkan menteri dan timbalan menteri memberi komen terhadap kementerian lain yang bukan diwakilinya.